



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

**"MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN
JAWATAN AHLI MAJLIS - AHLI MAJLIS 2018
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI"**

02 JANUARI 2018 (SELASA)

8:00 PAGI

BERTEMPAT DI DEWAN KENANGA, IBU PEJABAT MPSP

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Hj Mohd Rashid bin Hasnon

Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri 2

Y.B. Dato' Seri Hj Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Maimunah Mohd Sharif

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Tuan-Tuan dan Puan- Puan

Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Ar. Yew Tung Seang

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan

Pengerusi PUSPANITA

Datin Hjh Che Limah Bt Hj Ujang

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

Encik Mohd Tahir Bin Othman

Naib Yang DiPertua PESUKA

Encik Mohd Nasir Bin Hassan

Yang Dipertua PERMAI

Encik Abdul Fikri Ridzauudin Bin Abdullah

Pengerusi KOSPEMA

Puan Latifah Binti Razali

Rakan-rakan Media

YAB KM, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN, Y.Bhg. Dato'-

Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati

Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berhimpun pada pagi yang penuh barakah ini sekali lagi bagi menyempurnakan Majlis Angkat Sumpah dan penerimaan jawatan Ahli Majlis yang baru bagi sesi 2018. Saya selaku

Yang Dipertua Majlis mewakili seluruh warga kerja MPSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YAB ketua Menteri dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mantan Yang Dipertua MPSP, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif serta tahniah di atas pelantikannya sebagai *Executive Director, United Nation Human Settlements Programme*. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis tahun 2017 yang telah banyak memberikan pendapat dan idea-idea baru untuk penambahbaikan perkhidmatan MPSP kepada masyarakat.

Ahli-ahli Majlis MPSP sentiasa bersama-sama bukan sahaja memberi sokongan mental malahan turut turun padang siang dan malam untuk membantu dan meringankan beban dan masalah penduduk. Semangat *teamwork* yang ditunjukkan oleh mereka menunjukkan solidariti diantara pihak pengurusan MPSP, Ahli Majlis dan Kerajaan Negeri serta kualiti dalaman yang sentiasa prihatin dengan kesengsaraan rakyat. Syabas dan terima kasih buat semua Ahli-ahli Majlis sesi 2017.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian**

Dalam sidang yang lalu, YB Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir menyarankan agar MPSP mendapatkan pengiktirafan daripada rakyat disamping anugerah-anugerah dari badan-badan yang diiktiraf. Saranan ini diambil serius oleh pihak pengurusan MPSP. Justeru itu falsafah inklusif diterapkan didalam pengurusan MPSP. Hasilnya, pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antaranya diperingkat antarabangsa, MPSP telah dianugerahkan *silver award* dalam kategori “*Digital Inclusion*” oleh WeGO. Anugerah ini diberikan atas usaha MPSP membangunkan “*Smart Monitoring System*” yang memberi peluang kepada rakyat bersama-sama memantau perkhidmatan yang disampaikan dan melaporkan ketidakpatuhan dengan hanya tiga(3) langkah, *Snap Photo*, diskripsi masalah dan hantar.

Disenaraikan dalam *The Malaysia Book of Records (MBR)* bagi *Largest Tecoma Tree Planting Event*. Pengiktirafan ini melibatkan

penanaman 3,002 batang pokok serentak oleh YAB KM sendiri, YB Tuan Chow Kon Yeow, YB Ahli MMK, YBhg. Dato' YDP, Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan 4,000 penduduk Seberang Perai.

Dipersijilkan sebagai penerima persijilan pertama Sistem Pengurusan Anti Suapan/Sogokan, ISO 37001:2016 dengan siri pendaftaran 000101. Sistem ini memberi ruang yang lebih luas untuk rakyat melaporkan jenayah rasuah atau sogokan kepada pengurusan MPSP.

Dianugerahkan pensijilan pematuhan SAGA iaitu satu (1) pengiktirafan dan perakuan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia ke atas kemantapan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan MPSP.

Terima kasih sekali lagi kepada YAB Ketua Menteri, barisan EXCO, YB Dato' Seri SUK dan semua yang memberi sokongan. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan saya ingin ucapkan kepada rakan-rakan media yang sentiasa mencoretkan maklumat-maklumat terkini kepada masyarakat , komen-komen dan pendapat membina di dalam penulisan mereka. Tanpa mereka, masyarakat tidak akan tahu apa yang telah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP lakukan untuk kebaikan masyarakat. Terima kasih sekali lagi.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian**

Oleh kerana terdapat perubahan teknologi digital, revolusi industri 4.0, perubahan expektasi rakyat yang mahukan kepantasan dalam semua perkhidmatan dan perubahan persekitaran yang membawa kepada perubahan iklim dan bencana alam, MPSP tampil dengan Pelan Strategi 2018-2022 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2018* yang mengandungi pembaharuan misi, visi, moto, prinsip panduan dan *corporate value* yang baru serta plan tindakan untuk menjadikan Seberang Perai Resilient, inklusif, hijau dan kompetitif.

Saya memohon agar YAB Ketua Menteri bersetuju melancarkan pelaksanaan Pelan Strategi 2018-2022 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2018* dengan disaksikan oleh YB Dato Seri SUK, YB Tuan Chow Kon Yeow dan semua hadirin di dewan ini serta semua rakyat yang menyaksikannya melalui *live streaming Facebook* MPSP.

**YAB Ketua Menteri, YB Dato' Seri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian**

Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 adalah pelan hala tuju Seberang Perai milik rakyat. Metodologi pembentukannya dimulai dengan soal selidik untuk mengetahui kehendak dan keutamaan rakyat. Sebanyak sepuluh (10) keutamaan strategik telah dipilih untuk dilaksanakan secara bersama melalui komuniti *engagement*. Di samping itu, MPSP juga mengambil input semasa sesi FREPENCA *Dialogue Luncheon* bersama YAB Ketua Menteri, di Hotel Continental Bukit Jambul pada 2 Oktober 2017, Sesi bersama FMM, Mesy bersama kesatuan sekerja PBT Malaysia Cawangan Seberang Perai (ANULAE) dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Perjumpaan bersama Ahli Majlis dan Perjumpaan bersama pekerja di semua Sembilan (9) depo pembersihan.

Kemuncak kepada sesi pembentukan Plan Strategi ini dan proses *buy in* adalah sesi Town Hall yang telah diadakan serta dirasmikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow pada 18 Nov 2017.

MPSP telah menyenaraikan 85 program dan 201 aktiviti setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, 26 *Strategic Programs* dijangka dapat menjadi pemangkin kepada ekonomi digital, kelancaran lalulintas, keselamatan, bandar rendah karbon, resilient, kompetitif dan persekitaran yang bersih .

Di samping itu, idea yang disarankan oleh YAB Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng, MPSP juga akan memberi penekanan kepada revolusi industri 4.0 melalui penggunaan *Big Data Analytics (BDA)*, IoT, *Cloud Computing* dan *Artificial Intelligence* untuk meningkatkan perkhidmatan kepada warga Seberang Perai dan melakukan transformasi digital dan penjanaan ekonomi yang lebih makmur. MPSP akan sentiasa memastikan kecekapan proses kerja dan perkhidmatan menjadi tunjang utama untuk kejayaan MPSP dan kejayaan Seberang Perai.

Di kesempatan ini juga, saya rasa masih tidak terlewat untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2018 buat semua yang hadir serta kepada seluruh warga Seberang Perai.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah*, *Wassalamualaikum*
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.